S'pura bakal anjur Akademi Timbang tara Antarabangsa

HISHAM HASIM

SINGAPURA bakal menganjurkan Akademi Timbang tara Antarabangsa Singapura mulai 26 November hingga 14 Disember ini.

Ia selaras dengan usaha negara mahu terus membangunkan sektor timbangtara dan mengamalkan sekitaran yang protimbang tara, dan bergerak sejajar dengan keperluan industri tersebut.

Demikian diumumkan Menteri Undang-Undang, Encik K. Shanmugam, di pembukaan sesi pleno Kongres ke-21 Mailis Antarabangsa bagi Timbang tara Komersial yang diadakan di Pusat Pameran dan Konvensyen Marina Bay Sands, pagi semalam.

Menurut Encik Shanmugam, akademi tersebut akan dianjurkan bersama oleh fakulti undang-undang Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Pusat Perundangan Antarabangsa (CIL) NUS.

Ia bakal menjadi pyrogram latihan terunggul Asia dan diisasarkan kepada para pengamal swassta, pihak kaunsel dan pegawai permerintah yang mengendalikan tengkarah antarabangsa dan ingin memingkatkan ke-

mahiran dan pengestahuan dalam bang tara Antarabangsa Hongkong bidang timbang tara.

Program selama 16 hari itu akan diadakan di Kampuss Bukit Timah tik. NUS, dan ia akan menggabungkan teori, latihan kemahiran dan kuliah mengenai amalan dan undang-undang timbang tara yang penting.

Akademi itu hanva akan menerima 60 peserta pada tahun pertamanya, demi memastikan latihan dan penyertaan yang berkesan.

kan keyakinan bahawa akademi tersebut akan menyumbang kepada pembangunan kepakaran dalam timbang tara antarabangsa, di rantau kepakaran sedemikian terus berkembang.

Memberikan perincian terkini mengenai Pusat Timbang tara Antarabangsa Singapura (SIAC), Encik Shanmugam dalam ucapannya turut mendedahkan bahawa ia telah mengendalikan 188 kes baru tahun lalu.

Daripada jumlah tersebut, 135 merupakan kes antarabangsa yang dikendali sepenuhnya menurut aturan SIAC.

Ini berbanding dengan Pusat Tim-

yang mengendalikan 41 kes baru tahun lalu termasuk kes-kes domes-

Menurut Encik Shanmugam, dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini saja, SIAC mengendalikan

118 kes baru - naik seganda berbanding tempoh yang sama tahun lalu iaitu 59 kes.

Nilai keseluruhan bagi kes-kes tersebut adalah lebih \$2 bilion - me-Encik Shanmugamı turut melahir- lebihi nilai kendalian SIAC bagi seluruh tahun lalu iaitu \$1.3 bilion.

> Kejayaan Singapura, kata Encik Shanmugam, adalah hasil strateginya vang fokus dan sistematik.

> Dasar dan perundangan di sini, katanya, dibangunkan secara perbincangan dengan pihak industri dan berupaya diubah dengan segera sekiranya perlu.

> Memandang ke hadapan, pemerintah bertekad memainkan peranannya bagi menghadapi cabaran mendatang.

> Matlamatnya, kata Encik Shanmugam, adalah menjadikan Singapura sebuah pusat khidmat perundangan dan timbang tara yang unggul di dalam dan luar rantau ini.